

BAB TIGA

PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SELEPAS MERDEKA (1957 hingga 1980)

3.0 Pengenalan

Langkah utama yang dilakukan oleh kerajaan Perikatan selepas negara ini memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957 ialah menyusun semula sistem pendidikan yang diwarisi daripada penjajah British. Dasar pendidikan yang digubal diperkuuhkan oleh Perlembagaan dan Undang-Undang. Cadangan-cadangan dasar pendidikan negara dikemukakan dalam Penyata Razak (1956) yang telah dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Cadangan dari Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961, seperti berikut:

"... Bahwasanya dasar pelajaran seperti yang diisyiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya." (Akta Pelajaran 1961:3)

Martlamat utama perlaksanaan dasar ini ialah bagi menjamin satu sistem pendidikan yang mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan. Dasar pendidikan juga mengambilkira aspek-aspek kepelbagaian etnik, bahasa, budaya, agama dan latar belakang geografi bagi membina masyarakat Malaysia yang bersatu serta mempunyai identiti Malaysia.

3.1 Pendidikan Untuk Perpaduan

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, Malaysia memberi penekanan kepada usaha-usaha mewujudkan perpaduan nasional. Pemberatan diberi kepada perpaduan yang berteraskan sejarah pribumi Tanah Melayu. Justru, pendidikan Sejarah diterokai bagi memenuhi matlamat ini dalam konteks pembinaan negara bangsa.

Aspek-aspek tertentu telah diberi penekanan dalam usaha untuk mencapai objektif ini. Ini melibatkan langkah-langkah menonjolkan elemen-elemen positif yang dapat merapatkan hubungan kaum, kuperasan peristiwa-peristiwa sejarah untuk melahirkan pelajar yang berfikiran terbuka dan positif terhadap realiti masyarakat majmuk, dan penegasan bahawa perpaduan adalah amat penting untuk pembangunan negara, dengan mengutarakan contoh-contoh kehancuran sesebuah tamadun akibat perpecahan, dan penekanan terhadap nilai-nilai murni yang dapat melahirkan personaliti dan perpaduan yang kukuh.

Usaha ke arah perpaduan nasional ini telah dilakukan dengan lebih giat lagi pada zaman selepas merdeka, sebagaimana yang terkandung dalam laporan-laporan jawatankuasa pendidikan negara, terutamanya Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960). Penyata Razak 1956 menggariskan, "*...tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar*

yang utama, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan berasur-ansur." (Penyata Razak 1956, Perenggan 12).

Laporan Abdul Rahman Talib (1960) pula menitikberatkan keperluan kurikulum sekolah disesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara, iaitu dengan mengadakan sukanan pelajaran yang sama kandungannya dan peruntukan masa yang seragam bagi semua sekolah. Ini diperkuuhkan lagi dengan mewujudkan satu sistem peperiksaan awam yang sama. Langkah ini menyumbang kepada proses menyatupadukan murid-murid berbilang kaum di samping mewujudkan keperibadian kebangsaan yang sama. Hasrat ini telah dinyatakan seperti berikut:

"Kami tidaklah dapat hendak menegaskan dengan lebih berat lagi daripada ini akan pendapat kami bahawa perkara menggunakan sukanan pelajaran yang sama oleh semua sekolah-sekolah dalam negeri Persekutuan Tanah Melayu ini. Inilah satu perkara yang mustahak bagi kemajuan Tanah Melayu yang satu." (Penyata Razak 1956, Perenggan 19)

Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Sukanan Pelajaran Am dan Jadual Waktu telah ditubuhkan bagi membentuk sukanan pelajaran yang sama bagi semua mata pelajaran di semua aliran sekolah. Sukanan pelajaran dan peraturan kursus pengajian yang dihasilkan ini mula dikuatkuasakan sejak tahun 1957. Usaha ini bertujuan menyemak dan memperbaharui sukanan pelajaran dengan menitikberatkan kerakyatan Malaysia dan disesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara. Mata pelajaran yang berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendokong cita-cita negara dan mewujudkan perpaduan berpandukan Rukunegara ialah mata pelajaran Sejarah (Ilmu Tawarikh). Menerusi mata pelajaran Sejarah, murid-murid ditanamkan semangat patriotik dan

kesetian kepada negara, di samping membina semangat perpaduan dan perasaan hormat-menghormati, terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum, keturunan, agama dan adat-resam.

3.1.1 Perlaksanaan Kurikulum Sejarah Selepas Merdeka

Hasil laporan Penyata Rahman Talib (1960) ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyusun semula sukanan pelajaran Sejarah bagi Darjah Empat hingga ke Tingkatan Tiga. Sukanan pelajaran baru ini telah dikeluarkan pada 1966 dan mula dilaksanakan di sekolah-sekolah pada Januari, 1967.

Pada peringkat awal selepas Merdeka, iaitu dari tahun 1957 hingga 1966, sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh (Sejarah) Darjah Satu hingga Darjah Enam adalah disusun dan disesuaikan dengan sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu di Singapura. Oleh itu, kandungan sukanan pelajaran sepenuhnya mengikut sukanan pelajaran yang dianjurkan oleh Inggeris. Perkara ini ditegaskan juga oleh Encik Sulaiman bin Yahya, bekas pelajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang, Batu Caves, Selangor tahun 1958-1963, yang ditemubual oleh penulis. Contohnya, Ilmu Tawarikh Darjah Tiga dan Empat menggunakan buku teks yang disusun oleh Abdul Rahman Ahmad, guru Sekolah Melayu Tanjong Katong, Singapura. Buku tersebut bertujuan memudahkan guru-guru sekolah Melayu Singapura untuk membuat rujukan. Beliau telah menggunakan sumber rujukan yang ditulis oleh penulis-penulis Barat seperti *World History in Picture and Story* oleh M. R. Cumberledge, *Malaya and the Old World* oleh E. H. Dance, *The March of Time* oleh E. C. T. Horniblow dan J. J.

Sullivan, dan *A Story of Malaya* oleh Margery Morris.

Buku *Pelajaran Tawarikh Darjah Tiga* mengandungi tujuh tajuk, iaitu:

- i. Manusia Yang Mula-Mula
- ii. Orang Yang Mula-Mula Di Tanah Melayu
- iii. Ahli Falsafah Dan Guru-Guru:
 - Buddha; Confucius; Nabi Muhammad S. A. W.; Gandhi; Sun Yat Sen.
- iv. Ahli Penjelajahan dan Pelayaran:
 - Christopher Columbus; Magellan; Pan Chao; Lao Tse (Lao Tzu); Chang Chin
- v. Pencipta Atau Pereka:
 - Thomas Alva Edison; Marconi
- vi. Pemerintah Dan Penakluk:
 - Alexander The Great; Akbar; Kublai Khan; Marco Polo; Thomas Stamford Raffles; Yap Ah Loy; Parameswara
- vii. Perintis Di Asia Tenggara:
 - Kartini; Sir Ronald Ross

(Sumber: Che' Abdul Rahman Ahmad, *Pelajaran Tawarikh Darjah Tiga*, 1962)

Sebahagian besar isi kandungan sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh Tahun Satu hingga Tahun Enam tidak menunjukkan ciri-ciri dan penghayatan unsur-unsur sejarah tempatan. Daripada tujuh tajuk dalam sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh Tahun Tiga, hanya satu tajuk sahaja yang menyentuh tentang Tanah Melayu iaitu Orang Yang Mula-Mula Di Tanah Melayu. (Sila rujuk Lampiran A). Dalam tajuk tersebut, perbincangan tentang asal-usul penduduk Tanah Melayu digambarkan dengan cukup negatif dan

bersifat menghina. Ini dapat dilihat dari petikan berikut:

"... Orang Melayu dikatakan datang dari suku-suku orang liar iaitu suku Semang dan suku Sakai, makanannya binatang-binatang hutan seperti babi hutan, monyet, ular dan buah-buahan serta daun-daun kayu hutan. Suku Semang dan Sakai ini adalah satu bangsa yang bodoh dan penakut. Usahakan melawan nampak sahaja lain dari suku-sukunya datang, larilah mereka jauh ke dalam hutan yang tebal di negeri-negeri di Tanah Melayu." (Abdul Rahman Ahmad, *Ilmu Tawarikh Darjah Tiga*. 1962. hal.8).

Di sini, pemahaman pelajar tentang asal-usul orang Melayu digambarkan secara negatif dan tidak bertamadun. Sebaliknya, sebahagian besar kandungan teks menggambarkan tentang keagungan dan kehebatan negara barat dan tokoh-tokoh dari Barat dan Timur, seperti Alexander the Great, Chang Ch'ien, Thomas Alva Edison, Akbar, Marco Polo dan lain-lain. Meskipun agama Islam sudah lama bertapak di Tanah Melayu sejak kurun ke-15, tetapi aspek ini tidak diberi penekanan di dalam sukatan pelajaran. Sebagai contoh di dalam buku teks ini, Nabi Muhammad S.A.W. hanya diletakkan setaraf dengan tokoh-tokoh falsafah dan digambarkan secara sepintas lalu di bawah tajuk Ahli Falsafah dan Guru-Guru dalam Bab 3.

Buku-buku teks lain yang juga digunakan di sekolah-sekolah termasuklah *Malaya dalam Tawarikh Dunia* (1961) oleh Shamsul Baharin, *Stories from Malayan History* (1962) oleh Horace Stone, dan *Primary History for Malayans Book One, Two and Three* (1963) oleh M. A. Mallal dan Seow Ban Yam. Sukatan pelajaran dan buku-buku teks berkenaan hanya mengenengahkan tokoh-tokoh luar yang tidak nampak kepentingannya dengan Tanah Melayu.

Mulai tahun 1967, buat pertama kalinya mata pelajaran Sejarah diajar menggunakan sukanan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Murid-murid di peringkat Darjah Satu hingga Darjah Tiga, tidak diberi pendidikan sejarah secara langsung, sebaliknya unsur-unsur sejarah hanya diserapkan ke dalam mata pelajaran Pengajian Hal-Ehwal Tempatan. Mata pelajaran Ilmu Tawarikh hanya diajar di peringkat Darjah Empat hingga Darjah Enam, menggunakan sukanan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sukanan pelajaran Darjah Empat hingga Darjah Enam ini digambarkan dalam sebuah buku teks yang berjudul *Tawarikh bagi Murid-Murid Malaysia* (1969) oleh Md. Zain Shamsudin. Buku ini diterjemahkan daripada buku *Primary History for Young Malaysian* yang dikarang oleh William Jalleh, dan merupakan buku yang pertama di dalam siri buku-buku Tawarikh yang disediakan untuk kegunaan murid-murid di Sekolah-Sekolah Rendah di Malaysia.

Sukanan pelajaran Ilmu Tawarikh Sekolah Rendah merangkumi tajuk-tajuk berikut. Untuk tahun (darjah) empat, ia merangkumi topik-topik tentang Manusia Purba, Kisah-Kisah Dari Tanah Melayu dan Pengasas-Pengasas Agama. Manakala tahun (darjah) lima pula merangkumi topik-topik Kedatangan Orang-Orang Eropah, Kisah-Kisah Dari Asia dan Kisah-Kisah Dari Barat. Isi kandungan bagi tahun (darjah) enam pula meliputi tajuk-tajuk Tanah Melayu Moden, Orang-Orang Masyur Di Tanah Melayu dan Rekaan Moden. Walau bagaimanapun, keseluruhan tajuk-tajuk yang dipilih tidak menyumbang ke arah pemupukan perpaduan kaum dan pembinaan kewarganegaraan. Hal ini amat jauh daripada menepati hasrat yang terkandung dalam Penyata Razak (1956), kecuali keseragaman sukanan pelajaran di kesemua sekolah. Huraian penuh bagi

sukatan-sukatan pelajaran adalah seperti di Rajah 1.

Rajah 1

Sukatan Pelajaran Ilmu Tawarikh Sekolah Rendah

Tahun Keempat

Manusia Purba

Kehidupan manusia yang berpindah-randah sebagai pemungut, pemburu dan nelayan dan perjuangannya untuk hidup. Tempat-tempat tinggal, pakaian, perkakas untuk bekerja dan senjata. Kegunaan api.

Manusia sebagai petani dan cara hidupnya yang tetap. Menjinakkan binatang. Permulaan takhasus dalam bebagai-bagai pekerjaan - membuat barang-barang daripada tanah liat, senjata, perkakas untuk bekerja dan lain-lain. Terjadinya kampung-kampung dan bandar-bandar. Permulaan pengangkutan dengan jalan darat sungai dan laut; membawa beban dengan binatang dan pengangkutan roda.

Kehidupan kaum-kaum yang mula-mula bertamaddun - Sumeria, Babylon dan Mesir.

Kisah-kisah dari Tanah Melayu

Orang Asli - Semang, Jakun dan Sakai; Singapura dibuka (Sang Nila Utama dan Temasik); Parameswara dan pembukaan Melaka. Hubungan Melayu-China, pelayaran Cheng Ho dan hasil-hasilnya. Kesultanan Melaka - Perkembangan politik dan perdagangan.

Pengasas-pengasas Agama

Kungfutze, Buddha, Nabi Isa, Muhammad.

Tahun Kelima

Kedatangan Orang-Orang Eropah

Perlumbaan orang-orang Eropah dalam Perdagangan Rempah dan akibatnya. Orang-orang Portugis di Melaka. Kota Famosa. Kedatangan agama Kristian dan St. Francis Xavier; Belanda menakluk Melaka. Bunga emas; Francis Light dan Pulau Pinang; Raffles dan Singapura; Orang-orang Inggeris di Melaka (Persetiaan Inggeris-Belanda, 1824); Penubuhan Negeri-negeri Selat.

Kisah-kisah dari Asia

Shih Huang Ti dan Tembok Besar negeri China; Genghiz Khan, Kublai Khan; Rekaan orang-orang China - percetakan, tembikar halus, kertas, wang, ubat bedil, dan kompas; Asoka dan agama Buddha, Akbar, Clive dan Empayar British di India; Pemberontakan, Gandhi, Muhammad Ali Jinnah, Pandit Nehru; Ibnu Sina, Jose Rizal, King Mongkut, Maharaja Meiji.

Kisah-kisah dari Barat

Iskandar Zulkarnain, Julius Caesar, Marco Polo, Joan of Arc, Vasco Gama, Shakespeare, Napoleon, George Washington, David Livingstone, Abraham Lincoln,

Mustapha Kamal, Albert Schweitzer.

Tahun Keenam

Tanah Melayu Moden

Perkembangan pengaruh British di Perak - Perang Larut, perlawanan menuntut takhta kerajaan Perak; Residen British yang pertama dan pembunuhan; Campur tangan di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang; Timah dan kemasukan orang-orang China; Getah dan Ridley - kemasukan orang-orang India; Pertukaran kuasa negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada British daripada Kerajaan Siam; Perhubungan keretapi - perhubungan dengan jalan keretapi yang bermula dari Port Weld deng Taiping, Kelang dengan Kuala Lumpur, Port Dickson dengan Seremban, siapnya jalan keretapi yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Singapura.

Orang-orang Masyur di Tanah Melayu

Hang Tuah, Tun Perak, Yap Ah Loy, Hugh Low, Swettenham, Munshi Abdullah, Clifford, Sultan Abu Bakar.

Rekaan Moden

Jalan raya (mcAdam); Keretapi (Stephenson); Motokar (Ford dan Daimler); Tayar (Dunlop); Kapalterbang (Wright Brothers); Talipon (Bell); Lampu Letrik, Wayang Gambar (Edison); Wayales (Marconi); Jentera jet (Frank Whittle); Penerbangan Angkasa (Yuri Gagarin); Kemajuan Perubatan - Imunisasi (Jenner); Kajikuman (Pasteur); Pembedahan Melawan Tularan Kuman (Lister); Langkah melawan Malaria (Ross); Rawatan (Florence Nightingale); Klorofom (Simpson); Radiasi (Curie); X-ray (Roentgen); Penicilin (Fleming).

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, *Syllabus For Primary Schools: History*. 1966)

Menurut Haji Radzuan A. Kadir, bekas pelajar Sultan Idris Training College (SITC) tahun 1964-1965 dan bekas pensyarah Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) tahun 1974-2000, pelajar-pelajar tidak langsung didekah dengan sejarah tempatan, sebaliknya, mendewa-dewakan tokoh-tokoh serta pencapaian orang-orang Barat. Ini berlaku kerana kurangnya bahan-bahan yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan. Penulis-penulis tempatan yang ada masih terikat dengan pengaruh dan persepsi penulis Barat.

Antara buku teks Sejarah yang digunakan pada zaman ini ialah *Primary History for Malayans Book One, Two and Three*, oleh M. A. Mallal dan Seow Ban Yam, dan diterbitkan pada tahun 1963 oleh Eastern Publishers, Singapura. Menurut Philip Loh Fook Seng (1966), walaupun buku ini adalah antara usaha penulis-penulis Tanah Melayu (Malaya) untuk menghasilkan buku teks Sejarah berorientasikan tempatan, didapati mengandungi beberapa kelemahan. Dalam Bab Satu buku tersebut, pelajar-pelajar di perkenalkan kepada tajuk *Man in the Stone Age* (Manusia Di Zaman Batu), di mana rujukan dibuat kepada manusia Zaman Batu di Malaya: "*In Malaya, men made beautiful pots of different shapes and designs.*" (Di Malaya, manusia membuat periuk belanga yang cantik dalam berbagai saiz dan corak). Seterusnya, disambung dengan "*Early men, in Europe, wore animal skins for a long time.*" (Manusia awal, di Eropah, memakai kulit binatang untuk masa yang lama). Dua ayat yang bercanggah ini mampu membawa kekeliruan kepada pelajar-pelajar. Persoalan yang timbul ialah sama ada Tanah Melayu atau Eropah yang mempunyai tamadun lebih awal.

Philip Loh seterusnya menegaskan terdapat kekeliruan di dalam kandungan buku-buku tersebut. Umpamanya, dalam tajuk "*The New Stone Age*" (Zaman Batu Baru), dinyatakan bahawa "*In Malaya, men lived in wooden houses. These were raised above the ground. Men had, at last, learned to make their first houses.*" (Di Malaya, manusia tinggal dalam rumah yang diperbuat daripada kayu. Rumah-rumah ini dinaikkan dari paras tanah. Manusia, akhirnya, telah belajar untuk membina rumah buat pertama kalinya.). Ayat-ayat ini seolah-olah menegaskan bahawa penduduk Malaya masih belum bertamadun. Perkataan "...akhirnya.." dalam ayat di atas menggambarkan bahawa penduduk di Tanah Melayu baru belajar membina rumah-rumah yang hanya

diperbuat daripada kayu. Fakta-fakta juga masih dipaparkan dari perspektif barat. Contohnya, dalam tajuk "*The Iron Age*" (Zaman Logam), hanya tokoh-tokoh ilmuan barat yang diberi penekanan, seperti Pythagoras dan Hippocrates. Dalam ayat lain di bawah tajuk Manusia Di Zaman Batu, dinyatakan: "*Europe had a Stone Age before the countries of South-East Asia did. These countries - Burma, Malaya, Indo-China, Siam, Indonesia and the surrounding islands - went through the same period later.*" (Benua Eropah telah lebih awal melalui Zaman Batu daripada negara-negara di Asia Tenggara. Negara-negara ini - Burma, Malaya, Indo-China, Siam, Indonesia dan pulau-pulau di sekelilingnya - telah lebih lewat melalui zaman yang sama.). Ia memberikan gambaran yang negatif terhadap penduduk di rantau Asia Tenggara, terutamanya penduduk di Tanah Melayu.

Kesinambungan pengetahuan dan pemahaman sejarah yang berorientasikan "western-centric" ini diperkuuhkan dengan pengenalan sukatan pelajaran Sejarah di peringkat menengah rendah Tingkatan Satu hingga Tiga. Penumpuan sukatan pelajaran adalah menyampaikan pengetahuan sejarah tempatan (Asia Tenggara) yang berlatar belakangkan sejarah Dunia. Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu terbahagi kepada tiga bahagian: Bahagian A - Sejarah Awal Asia (Asia Tenggara, India dan China); Bahagian B - Sejarah Awal Eropah (Yunani dan Rom), dan Bahagian C - Agama-Agama Utama Dunia (Hindu, Buddha, Kristian dan Islam). Manakala Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua pula bertumpu kepada dua bahagian: Bahagian A - Asia (Pengembaraan Ibn Batuta, Perkembangan Melaka, Kedatangan Portugis dan Belanda, Kerajaan Moghul di India, Empayar Mongol dan Empayar Ming di China) dan Bahagian B - Eropah (Gerakan Salib, Masyarakat Feudal, Zaman Renaissance dan

Penemuan Sains). Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Tiga juga terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian A - Revolusi Industri dan Sosial, dan Bahagian B - Asia (Asia Tenggara, India dan Pakistan, China dan Jepun). (Sila Rujuk Lampiran C). Ternyata, sebahagian besar kandungan sukatan pelajaran membincangkan sejarah luar dan bersifat "western-centric". Ini dapat dibuktikan melalui Rajah 2 yang menunjukkan pecahan tajuk-tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran berkenaan.

Rajah 2
Pecahan Tajuk-tajuk dalam Sukatan Pelajaran Sejarah
Tingkatan Satu hingga Tiga

Tingkatan	Bilangan tajuk-tajuk tempatan	%	Bilangan tajuk-tajuk luar	%
Satu	2	15	12	85
Dua	3	25	9	75
Tiga	7	50	7	50

(Sumber: *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah - Sejarah*
Kementerian Pelajaran Malaysia, 1966)

Merujuk kepada rajah di atas, didapati bahawa jumlah tajuk-tajuk yang menyentuh sejarah tempatan dalam sukatan pelajaran Sejarah Tingkatan Satu hanyalah sebanyak 15% sahaja, berbanding dengan jumlah 85% yang diperuntukkan kepada tajuk-tajuk sejarah luar Tanah Melayu. Bagi tingkatan dua, sebanyak 25% terdiri daripada tajuk-tajuk sejarah tempatan manakala 75% daripadanya menyentuh sejarah luar. Manakala di tingkatan tiga, didapati sebanyak 50% menyentuh tajuk-tajuk

tempatan. Pada keseluruhannya, dalam sukatan pelajaran sejarah menengah rendah (Tingkatan 1-3), hanya 30% atau 12 tajuk daripada 40 tajuk yang dibincangkan, tertumpu kepada pembelajaran sejarah tempatan, manakala 70% atau 28 tajuk daripada 40 tajuk yang dibincangkan adalah tertumpu kepada sejarah luar. Ini menunjukkan bahawa pendidikan sejarah pada peringkat ini masih lagi berorientasikan sejarah luar, terutamanya dari Barat dan mengabaikan sejarah tempatan.

Khoo Hock Cheng melalui artikelnya dalam *Jurnal Peninjau Sejarah* keluaran bulan April, 1968, menekankan supaya kajian sejarah tempatan atau "local history" tidak diabaikan dalam sukatan pelajaran sekolah menengah. Melalui kajian ini akan dapat memberi lebih kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada murid-murid mengenai peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam tanahair mereka sendiri, serta menghindari daripada menjadi terlalu terkongkong dengan kajian sejarah dari perspektif orang luar. Bagi sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, adalah penting untuk disemai semangat kesetiaan dan patriotisme di kalangan murid-murid di sekolah sebagai sebahagian daripada langkah ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang berdaulat.¹

Di peringkat pendidikan menengah atas, sukatan pelajaran Sejarah adalah dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A: Tawarikh Tanah Melayu dari tahun 1400 hingga tahun 1945, Bahagian B: Tawarikh Komanwel British tahun 1740 hingga 1945, Bahagian C: Latar Belakang Penduduk Tanah Melayu (India, China, perkembangan agama Islam, Hindu, Buddha dan sumbangan orang-orang Greek dan Rom), Bahagian D: Perkembangan Kebebasan dan Tanggungjawab Sendiri (Latar belakang Kerajaan Beraja Britain dan Negeri-negeri Komanwel serta jajahan takluk).

Peruntukan masa bagi mata pelajaran Sejarah ialah 120 minit seminggu. Walau bagaimanapun, terdapat sekolah-sekolah seperti sekolah menengah jenis kebangsaan didapati tidak mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebaliknya, mereka hanya memperuntukkan sebanyak 80 minit sahaja seminggu.

Semua murid yang mengambil mata pelajaran Sejarah diwajibkan mempelajari Sejarah Malaysia dan juga memilih Sejarah Asia Tenggara atau Sejarah Komanwel. Murid-murid dibenarkan memilih Sejarah Komanwel dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Malaysian Certificate of Education (MCE). Sukatan pelajaran Sejarah Komanwel tidak menekankan sejarah tempatan, sebaliknya pula banyak memberikan perhatian kepada sejarah empayar British. Sejarah Komanwel diperkenalkan dengan tujuan untuk melahirkan kebanggaan terhadap pencapaian British dalam bidang sains dan teknologi. British menganggap tamadun mereka lebih tinggi, serta mendakwa bertanggungjawab untuk mengubah kebudayaan tempatan kepada satu kebudayaan barat yang lebih baik. British meletakkan tugas ini sebagai "beban orang putih" (White Man's Burden). Aspek-aspek yang ditonjolkan ialah usaha British memperkenalkan pembaharuan sosial dan adat resam di negara jajahannya. Selain daripada itu, Sejarah Komanwel menganggap penduduk India yang mencetuskan Dahagi 1857 dilabelkan sebagai pemberontak yang dikatakan "mempunyai kepentingan tersendiri untuk menentang Inggeris".

Salah sebuah buku yang dijadikan teks di sekolah-sekolah menengah ialah *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959* oleh Joginder Singh Jessey (1964). Walau bagaimanapun, penekanan masih diberikan kepada sumbangan British yang dikatakan

banyak berperanan dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik di negara ini.² Menurut Khoo Kay Kim, "... ahli-ahli sejarah sepatutnya menunjukkan aspek-aspek negatif zaman kolonial. Dari segi kandungannya, memang ada aspek yang baru dalam buku tersebut. Hanya yang tidak jelas ialah perspektif penulis." (1992:19).

Ungkapan-ungkapan negatif juga sering digunakan, umpamanya perkataan "Benggali Puteh" untuk merujuk kepada orang Portugis di Melaka, seperti yang terdapat dalam buku *Kisah-Kisah Zaman Lampau* (1970) yang diterbitkan oleh Federal Publications, Kuala Lumpur-Singapura. Buku ini ditulis untuk kegunaan di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Walau bagaimanapun, tiada penekanan dibuat terhadap sejarah tempatan. Penumpuan hanyalah diberikan kepada peristiwa-peristiwa dan tokoh-tokoh dari Eropah (seperti Portugis, Belanda, Francis Light, Sir Stamford Raffles) dan Asia (seperti Asoka, Akbar, Iskandar Zulkarnain, Monggol, Maharaja Meiji). (Sila rujuk Lampiran B).

Demikian juga dengan pelajaran Sejarah di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan (STP) dan Sijil Am Pelajaran (SAP) yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge. Di peringkat ini, mata pelajaran Sejarah dibahagi kepada tiga kertas, iaitu Kertas Enam: Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur (1824 hingga 1954), Kertas Empat Belas: Sejarah Dunia Sebelum 1497 dan Kertas Lima Belas: Sejarah Islam. Mata pelajaran Sejarah boleh diambil di peringkat prinsipal atau di peringkat subsidiari. Di peringkat prinsipal, calon di beri pilihan untuk mengambil mana-mana dua kertas di atas. Di peringkat ini tidak ada buku teks yang khusus digunakan, sebaliknya pelajar diberikan senarai buku-buku yang dicadangkan

untuk dibaca bagi memenuhi sukanan pelajaran. Buku-buku tersebut kebanyakannya ditulis oleh penulis-penulis barat, seperti *History of Modern Malaya* (1964) oleh K. G. Tregonning, *Malaya* (1963) oleh J. M. Gullick, *Malaysia* (1964) oleh R. Emerson, *History of Southeast Asia* (1964) oleh D. G. E. Hall, *The Great Cultural Tradition* oleh R. Turner, *The Arabs in History* oleh B. Lewis, dan *History of Europe* oleh H. A. L. Fisher.

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada ketika ini berhadapan dengan pelbagai masalah. Terdapat beberapa komen diberikan oleh pengkaji-pengkaji yang juga pernah mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah. Antaranya ialah Khoo Kay Kim, Tan Boon Lin, W. D. Hussey, K. Anandarajan dan Wang Gungwu.

Tidak terdapat buku-buku Sejarah yang sesuai dan mencukupi untuk membantu pengajaran guru dan pemahaman pelajar di dalam bilik darjah, terutama sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan di akhir tahun persekolahan. Buku-buku yang ada juga tidak mengandungi kajian-kajian sejarah yang terkini dari perspektif tempatan dan ini menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut di sekolah-sekolah. Latar belakang sosioekonomi yang berbeza-beza dan kelemahan dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar, terutamanya di kawasan luar bandar menjadi halangan utama bagi mereka untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan berkesan dan penuh minat.³

Perlu ditekankan juga betapa pentingnya penggunaan kaedah-kaedah dan teknik-teknik pengajaran yang sesuai dan terkini oleh guru-guru ketika mengajar mata pelajaran

jarah di dalam bilik darjah, terutamanya dalam menarik minat pelajar-pelajar serta menyediakan mereka untuk peperiksaan.⁴ Masalah ini adalah ketara apabila ramai guru yang mengajar sejarah di sekolah-sekolah rendah dan menengah, pada asalnya ak mendapat latihan yang khusus dalam bidang tersebut.⁵ Adalah juga penting bagi para guru Sejarah untuk mempunyai minat yang mendalam terhadap mata pelajaran yang mereka ajar. Guru-guru harus berupaya untuk mewujudkan kesedaran mengenai pentingan mempelajari Sejarah di kalangan pelajar-pelajar mereka. Untuk tujuan itu, mereka harus mempunyai ilmu pengetahuan sejarah yang cukup dan mampu pula menyampaikannya dengan baik melalui teknik-teknik pengajaran yang berkesan dalam bilik darjah.⁶

Daripada temubual penulis dengan beberapa orang bekas pelajar yang pernah melalui sistem pendidikan awal selepas merdeka dan guru yang pernah mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah, mendapati banyak kelemahan dalam perlaksanaan pengajaran mata pelajaran tersebut. Menurut Haji Redzuan A. Kadir (2002), kandungan pelajaran Sejarah memberatkan sejarah dari aspek politik. Fokus utama ialah sejarah kedatangan orang-orang Barat ke Tanah Melayu, bermula dengan impurtangan Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Rang Inggeris digambarkan sebagai "penyelamat" dalam perebutan kuasa pembesar-sembesar Melayu. Di sini, pelajar-pelajar lebih mengenali tokoh-tokoh seperti Francis light, Frank Swettenham, Hugh Clifford dan lain-lain.

Aspek sejarah tempatan tidak diberi tempat dalam sukanan pelajaran Sejarah pada masa ini. Pelajar tidak dapat memahami sejarah kebudayaan, adat-resam,

pembangunan dan kesinambungan budaya tempatan. Ini ditegaskan oleh Hajah Salmah Hasna bt. Sulaiman, seorang pendidik yang terlibat secara langsung dengan pengajaran Sejarah di sekolah-sekolah sejak tahun 1974.⁷

Menurut Zauyah Daud, seorang pengetua sekolah dan guru Sejarah sejak tahun 1972, aktiviti pembelajaran Sejarah tidak mendorong pelajar untuk membuat penilaian terhadap fakta-fakta dan peristiwa sejarah. Pelajar juga tidak diberi peluang untuk membuat keputusan, berhujah, mengadakan perbincangan dan memberi pendapat secara bebas. Pembelajaran Sejarah bersifat kaku dan dingin dan ini menyumbang kepada kurangnya minat pelajar-pelajar terhadap mempelajari mata pelajaran tersebut.⁸

Perkembangan pendidikan seterusnya memperlihatkan usaha ke arah penyatuan konsep dan falsafah pendidikan negara yang menjadi asas dan panduan pembangunan sistem pendidikan kurun ke-20. Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, menyedarkan kerajaan tentang kepentingan pendidikan dalam usaha membina perpaduan dan merapatkan jurang kemiskinan di kalangan rakyat. Pada tahun 1973, semakan semula sukanan pelajaran Sejarah telah dibuat untuk kali kedua.

Hasil daripada semakan tersebut, enam matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah telah ditetapkan yang disesuaikan dengan prinsip Rukunegara dan objektif pendidikan negara. Matlamat pengajaran dan pembelajaran sejarah tersebut ialah:

- (i). membangkitkan minat terhadap sejarah;
- (ii). mencetus dan mengembangkan pemikiran kritis;
- (iii).mengenali keperibadian kebangsaan melalui sejarah tanahair;

- (iv). mewujudkan perasaan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal;
- (v). mewujudkan ingatan bersama tentang sejarah sebagai rangkaian rujukan kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia, dan
- (vi). memupuk persefahaman antarabangsa.

Berikut ini telah berlaku perubahan ketara dalam tumpuan kandungan sukanan pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah menengah. Ia berorientasikan kebangsaan, iaitu dengan memberi lebih tumpuan kepada penghayatan sejarah negara. Sukatan pelajaran Sejarah (dikenali sebagai Ilmu Tawarikh Baru) yang digubal ini mempunyai matlamat untuk memupuk minat dan kesedaran terhadap sejarah negara dengan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya. Ini sesuai dengan perubahan penggunaan bahasa pengantar dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia yang sedang berjalan di sekolah-sekolah pada masa itu.

Perubahan yang berlaku dalam sukanan pelajaran adalah jelas. Sebagai contoh, Tawarikh Dunia Tingkatan Tiga telah memasukkan tajuk-tajuk yang dapat membina pemahaman dan penghayatan Sejarah Malaysia, iaitu "Ke Arah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu", "Menuju Ke Arah Kemerdekaan", "Perkembangan Politik Sabah dan Sarawak", dan "Pembentukan Malaysia". Tajuk-tajuk ini memaparkan detik-detik perjuangan rakyat ke arah menuntut kemerdekaan tanahair. Kerjasama antara kaum, melalui parti-parti politik seperti United Malays National Organisation (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC) di lihat sebagai berjaya mendapatkan kemerdekaan tanahair dari kuasa penjajah. Namun, masih

terdapat isi kandungan yang tidak relevan dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Contohnya, tajuk-tajuk "Pembentukan Negara Amerika Syarikat", "Pembinaan Negara German", "Demokrasi di Britain", "Mussolini dan Fasisme", "Hitler" dan "Nazisme", dan tajuk mengenai "Komunisme" (Sukatan Pelajaran Ilmu Tawarikh Tingkatan Tiga, 1974). Tajuk-tajuk tersebut tidak jelas memberi sumbangan kepada pemahaman sejarah tempatan serta mewujudkan perpaduan kaum.

Antara judul-judul buku teks sejarah yang digunakan di sekolah-sekolah menengah termasuklah *Tawarikh Dunia Baru Buku Satu, Dua dan Tiga* (1977) oleh Abd. Rahman Ali, N. Rajendra dan V. Rajendra, dan *Sejarah Menengah Baru Buku Satu, Dua dan Tiga* (1978) oleh Muzaffar D. J. Tate dan Ibrahim Ahmad Bajunid.

Seterusnya, pengajaran Sejarah di peringkat menengah atas juga mengalami perubahan yang ketara. Ia meliputi peristiwa-peristiwa sejarah sejak penubuhan Melaka hingga kepada terbentuknya negara Malaysia. Usaha ke arah membangkitkan kesedaran masyarakat majmuk dipaparkan di bawah tajuk Pembangunan Masyarakat Majmuk di Tanah Melayu (Sukatan Pelajaran Ilmu Tawarikh Tingkatan Empat, 1978). Tajuk ini merupakan satu pembaharuan, kerana inilah pertama kalinya usaha dibuat untuk memasukkan isi kandungan yang menyentuh kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia dalam sukanan pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Ini selaras dengan matlamat untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Menurut Jagdish Raj Sharma (1985:11), "... berbagai aspek sejarah berkenaan

dengan kaum-kaum di negara ini tidak diberi liputan dengan cara seimbang. Aspek latar belakang, adat-resam dan sumbangan setiap kaum tidak dihuraikan secara mendalam." Beliau seterusnya memberi contoh di mana terdapat amalan melabelkan sesuatu kaum mengikut rupa bentuk, sikap dan tabiat, dan jenis pekerjaan. Justru, dapat diperhatikan bahawa murid-murid tidak akan dapat memahami, apa lagi menghargai sumbangan dan peranan setiap kaum dalam pembangunan negara. Keadaan ini terus mengekalkan jurang di antara pelbagai kaum kerana mereka jahil tentang selok-belok kaum-kaum lain. (Sila rujuk Lampiran D)

Kritikan juga diberikan terhadap penekanan ke atas topik-topik mengenai Sabah dan Sarawak. Didapati bahawa kedua-dua negeri tersebut tidak diberi perhatian yang wajar setaraf dengan kepentingannya sebagai komponen dalam Malaysia.⁹ Aspek tertentu dalam sukanan pelajaran dan penulisan buku teks berkaitan sejarah Sabah dan Sarawak seolah-olah terpinggir. Ini terbukti dari pendidikan sejarah di peringkat menengah rendah tingkatan satu, dua dan tiga. Buku *Tawarikh Dunia Baru Buku Satu* (1977) sekadar menerangkan latarbelakang kaum-kaum Iban, Dayak, Melanau dan Kedayan dari aspek pekerjaan, tempat tinggal, agama dan kebudayaan secara ringkas. Ini tidak memadai untuk pemahaman mendalam terhadap budaya dan adat-resam penduduk Sabah dan Sarawak. Buku *Tawarikh Dunia Baru Buku Dua* (1978) pula hanya memfokuskan perbincangan kepada proses bagaimana James Brooke berjaya menguasai Sarawak. Perbincangan menunjukkan seolah-olah Brookelah yang telah berjaya membawa keamanan dan ketenteraman di Sarawak, berbanding dengan sumbangan pemerintah-pemerintah tempatan sebelumnya. Hal ini terdapat dalam petikan berikut:

"... Kebanyakkan kawasan di bawah kekuasaan Sultan Omar Ali Saif-udin diperintah oleh pembesar-pembesar yang tidak

dapat mengawal lanun-lanun dan perdagangan hamba abdi."
(1978, halaman 49).

Sementara buku *Tawarikh Dunia Baru Buku Tiga* (1979) pula hanya menumpu kepada perkembangan politik di Sabah dan Sarawak serta proses yang membawa Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia.

Sukatan pelajaran Sejarah menengah rendah pada tahun-tahun 1970an memperlihatkan perubahan dari segi isi kandungan. Perubahan tersebut menjurus ke arah membincangkan sejarah dari perspektif sejarah Malaysia. Terdapat tajuk-tajuk yang diharapkan dapat mewujudkan integrasi kaum. Contohnya buku *Sejarah Menengah Baru Buku Satu* (1977) oleh Muzaffar D. J. Tate dan Ibrahim Ahmad Bajunid, di bawah tajuk "Sejarah Malaysia dari Segi Penduduknya". Walaupun buku tersebut sekadar memaparkan asal-usul kaum-kaum di Malaysia secara ringkas, iaitu dari segi jumlah penduduk, tempat tinggal, pekerjaan, agama dan bahasa, tetapi terdapat kesedaran terhadap bahaya wujudnya perbezaan kaum. Contohnya dinyatakan dalam petikan di halaman 35 berikut:

"...pada umumnya mereka yang tinggal di bandar lebih senang hidupnya jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di luar bandar. Perbezaan seperti ini tidak sihat dan kita harus bekerjasama untuk menghapuskaninya. Ini merupakan matlamat utama rancangan ekonomi kerajaan Malaysia."

Hakikatnya, orang Cina kebanyakannya tinggal di bandar dan bekerja dalam bidang perniagaan, serta mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi. Manakala orang Melayu sebahagian besarnya tinggal di kampung dan bekerja sebagai petani dan nelayan, serta ramai yang hidup dalam kemiskinan.

Walaupun demikian, masih terdapat keraguan sejauhmanakah isi kandungan mata pelajaran, khususnya mata pelajaran Sejarah, dan sistem peperiksaan yang dijalankan memenuhi hasrat nasional. Ini adalah kerana masih tidak ada perubahan dalam kandungan mata pelajaran Sejarah di zaman sebelum merdeka.

Hasil tinjauan mengenai perkembangan pengajaran Sejarah di sekolah-sekolah aliran Inggeris di Semenanjung Malaysia berdasarkan peranan sukatan pelajaran dan buku-buku teks mata pelajaran Sejarah dalam memupuk kesedaran warisan kebangsaan dan perpaduan kebangsaan di kalangan pelajar-pelajar, menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Tanah Melayu dari tahun 1905 hingga 1978 tidak membawa sebarang makna kepada masyarakat tempatan kerana personaliti dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan tidak berkaitan, serta tidak menyumbang kepada pembentukan identiti kebangsaan. Ini adalah kerana seluruh sukatan pelajaran adalah lebih bertumpu kepada sejarah Empayar British dan Eropah. Selain daripada itu, antara tahun 1959 hingga 1966, sukatan pelajarannya amat luas dan berdasarkan kepada perkembangan sejarah dari aspek politik. Kandungan sukatan Sejarah Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya amat kurang. Oleh itu, tidak menjurus ke arah integrasi nasional.¹⁰

Dapat dilihat bahawa pengajaran Sejarah selepas Merdeka tidak banyak menyumbang ke arah pemupukan perpaduan kaum. Ini kerana isi kandungan sukatan pelajaran Sejarah di semua peringkat persekolahan rendah dan menengah, didapati lebih banyak mengemukakan unsur-unsur luar (sejarah Barat, Asia Timur, Asia Selatan) berbanding dengan unsur-unsur sejarah tempatan di Tanah Melayu. Dalam

sukatan-sukatan pelajaran juga tidak dinyatakan dengan jelas falsafah dan matlamat pengajaran dan pembelajaran sejarah. Sukatan-sukatan pelajaran hanya menyatakan senarai tajuk-tajuk sebagaimana yang terdapat di dalam buku-buku teks yang digunakan di sekolah. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah juga tidak membawa sebarang makna kepada masyarakat tempatan. Ini adalah kerana tokoh-tokoh dan peristiwa yang dipaparkan yang menyentuh masyarakat tempatan di Tanah Melayu amat minimum, manakala tokoh-tokoh luar lebih diketengahkan. Contohnya seperti Ibn Bathuta, Shih Huang Ti, Vasco Da Gama, Napoleon, Francis Light, Stamford Raffles, dan lain-lain. Malahan, personaliti tempatan ditonjolkan dengan begitu negatif dan dilabelkan sebagai pemberontak atau penderhaka. Contohnya seperti Tok Janggut, Dato' Bahaman, dan Dato' Maharaja Lela.

Selain daripada itu, tidak ada sebarang panduan mengenai aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan. Sukatan-sukatan pelajaran yang digunakan ini juga didapati terlalu luas ruang litupnya dan terlalu umum. Contohnya Sejarah Tingkatan Satu di bawah tajuk Permulaan Agama Utama Dunia, meletakkan perkembangan agama Islam sebagai tajuk kecil yang terakhir. Begitu juga dengan tajuk-tajuk sukatan pelajaran Sejarah Tingkatan Dua dan Tiga adalah tidak jelas objektif dan arah tujunya. Contohnya di bawah tajuk-tajuk Britain, Perancis dan Revolusi Industri serta Zaman Napoleon, tidak dinyatakan objektif-objektif pembelajarannya serta tidak jelas kaitannya dengan sejarah tempatan dan peranannya dalam menyumbang ke arah perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Terdapat sedikit perubahan dalam pendekatan buku teks yang digunakan

di sekolah-sekolah menengah menjelang tahun 1978. Penulis-penulis yang terlibat antaranya seperti M. Thambirajah, Zainal Abidin Abdul Wahid, Khoo Kay Kim, Muhd Yusuf Ibrahim dan Ashraf, telah memperkenalkan beberapa perubahan yang melibatkan isi kandungan buku teks. Perbincangan tidak semata-mata tertumpu kepada sejarah politik Tanah Melayu, sebaliknya turut memberi perhatian kepada perkembangan sosial, ekonomi, kebudayaan dan ciri-ciri hal-ehwal masyarakat tempatan. Ini selaras dengan matlamat kurikulum baru, iaitu bagi melahirkan pelajar yang dapat mengenali dan memahami keperibadian kebangsaan, melalui penghayatan sejarah tanahair. Pendekatan yang menjurus ke arah menghidupkan semangat kewarganegaraan ditonjolkan, contohnya dalam buku M. Thambirajah berjudul *Malaysia dalam Sejarah 2*, tahun 1978, menggunakan istilah "orang asing" yang merujuk kepada penjajah British, seperti yang tercatat dalam halaman 134 berikut:

"... Pemerintah dan pembesar Melayu mendapati bahawa kuasa mereka telah disekat. Semakin lama mereka tunduk di bawah kuasa orang asing..."

Satu ciri lain yang terdapat dalam buku teks ialah penggunaan dwi bahasa dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, untuk menerangkan fakta-fakta sejarah. Ini selaras dengan zaman peralihan penggunaan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran. Contoh terdapat dalam judul buku yang sama oleh M. Thambirajah (1978) di halaman 112 seperti berikut:

"Sekatan Imigresen - Dalam tahun 1929 dunia mula mengalami zaman meleset. ini bermakna perdagangan di antara negara-negara juga kurang. Oleh itu barang-barang eksport yang dikeluarkan pun kurang. Ini mengakibatkan pengangguran. Malaysia juga terlibat dari tahun 1930 hingga 1933. Hasil keluaran getah dan bijih timah sangat kurang. Akibatnya ramai orang-orang Cina tidak bekerja.

Restriction to Immigration - In 1929 the world depression had

started. That is, trade between countries was reduced. Therefore, goods produced for export were also reduced. This led to unemployment. This also affected Malaysia from 1930 to 1933. Tin and rubber production were greatly reduced. As a result there was great unemployment among the Chinese."

Penerangan-penerangan juga dipermudahkan dengan menggunakan susun bahasa yang ringkas, ayat-ayat yang sederhana dan pendek-pendek. Gambar-gambar dan rajah-rajab yang sesuai juga dimasukkan bagi menarik minat pelajar.

Perkembangan pemikiran dan pengkajian tentang sejarah Malaysia telah berlaku dengan hebatnya sejak tahun 1960an lagi. Tetapi, masih terdapat jurang di antara penyelidikan para sarjana dengan penggubalan kurikulum sekolah. Ini adalah kerana walaupun para sarjana dijemput untuk menjadi ahli jawatankuasa mengkaji sukanan pelajaran sekolah, tetapi pada dasarnya kandungan sukanan pelajaran ditentukan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Oleh kerana sukanan pelajaran dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge, London, ia tidak mengambil kira iklim dan sejarah tempatan. Aspek-aspek pedagogi, kandungan buku teks, tahap-tahap kemahiran pembelajaran tidak diambil pertimbangan. Mata pelajaran Sejarah seolah-olahnya diletakkan sebagai mata pelajaran kelas dua dan peranannya sebagai mata pelajaran yang dapat membina semangat perpaduan dan perasaan hormat-menghormati di kalangan masyarakat berbilang kaum tidak diberi keutamaan.¹¹

Selain dari itu, terdapat juga soalan-soalan dalam buku ini yang menjurus kepada menanamkan sifat-sifat dan perasaan perpaduan seperti berikut:

- i. Tulis satu senarai nama kawan anda yang terdiri daripada kaum-kaum yang

- berlainan. Bagaimana anda boleh berkawan dengan lebih baik?
- ii. Adakah anda bersetuju dengan pendapat bahawa dengan menggunakan satu bahasa yang sama, adalah jalan yang terbaik untuk menyatukan penduduk Malaysia? Berikan sebab-sebabnya sekali. (Sila rujuk Lampiran E)

Walau bagaimanapun, secara umumnya, sukanan pelajaran dan buku teks yang digunakan tidak begitu membawa erti kepada usaha memupuk perpaduan kaum dan kewarganegaraan. Ini adalah kerana tajuk-tajuk yang menyentuh tentang kaum-kaum di Malaysia hanya sebahagian kecil sahaja, iaitu satu bah sahaja dalam setiap siri buku *Tawarikh Dunia Baru* (1977-78) tersebut yang terdiri daripada tiga buah buku kesemuanya. Pemaparan isi kandungan buku-buku ini terlalu ringkas dan mendatar tentang asal-usul kaum-kaum yang terdapat di Malaysia. Tidak ada perbincangan kritis yang dapat merangsang pemikiran dan menimbulkan kesedaran perlunya perpaduan diwujudkan. Penggunaan istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan negatif dengan melabelkan sesuatu kaum menebalkan jurang antara kaum, seperti perkataan "keling" (*Buku Satu*, hal.29) bagi merujuk kepada kaum India, dan ungkapan "pendatang" (*Buku Dua*, hal 41) hagi merujuk kepada kaum Cina. Kaum Cina juga sering dikaitkan sebagai pengganas yang menjadi ahli kumpulan kongsi gelap, seperti petikan berikut:

"... kemana-mana sahaja orang Cina ini pergi, maka kongsi gelap akan sentiasa bersama. Di mana sahaja terdapat kongsi gelap, kekacauan akan berlaku." (*Tawarikh Dunia Baru Buku Dua*, 1978: 41)

Terdapat juga pernyataan-pernyataan yang mengelirukan tentang asal-usul penduduk Tanah Melayu sebagaimana yang terdapat dalam buku *Tawarikh Dunia Baru Buku I* (1977) di halaman 20, iaitu "... Kita dapat melihat bahawa orang-orang

Malaysia hari ini sebenarnya datang dari beberapa tempat berlainan." Buku ini menghuraikan bahawa semua penduduk Tanah Melayu adalah berasal dari luar. Hal ini dijelaskan di bawah tajuk kecil "Siapakah Orang Melayu?" di halaman 24. Penulis menyatakan bahawa orang Melayu adalah berasal dari Asia Tenggara atau dataran tinggi Yunan. Seterusnya, orang Melayu yang terawal mula menduduki kuala-kuala dan menuju ke hulu memasuki pedalaman Semenanjung. Mereka dikatakan mendapati bahawa Semenanjung Tanah Melayu telah diduduki oleh orang lain terlebih dahulu yang datang dari utara India (Sila rujuk Lampiran F). Kekeliruan ini amat merbahaya dan mampu membawa implikasi perselisihan faham antara kaum yang parah. Huraian di atas ini boleh disalahtafsirkan dan kedudukan orang Melayu sebagai penduduk pribumi boleh dipersoalkan.

Pada tahun 1979, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji semula sistem pendidikan supaya bersesuaian dengan perkembangan ekonomi negara. Jawatankuasa Kabinet ini dipengerusikan oleh Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran pada masa itu telah menggubal falsafah pendidikan dan mengesyorkan perlaksanaan program pendidikan menjurus ke arah mencapai matlamat sebagaimana yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara. Falsafah pendidikan negara yang digubal adalah seperti berikut:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah penting bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmurni masyarakat dan negara".

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979)

Sebagai kesimpulan, sukanan pelajaran dan buku-buku teks pelajaran Ilmu Tawarikh untuk murid Malaysia yang digunakan disekolah-sekolah di Tanah Melayu pada zaman sebelum merdeka, pada asasnya disediakan untuk kegunaan murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) di Singapura. Justru itu, ia lebih bercorak 'Western-Centric', iaitu berorientasikan kepada unsur-unsur mengagung-agungkan sejarah tamadun Eropah, dan tidak bercorak 'Malaysian-Centric', iaitu kurang menekankan kepada aspek-aspek sejarah tempatan.

Selepas Perang Dunia Kedua, terdapat perubahan kurikulum Sejarah yang memberi penekanan untuk mewujudkan perpaduan kaum. Walau bagaimanapun, isi kandungan kurikulum Sejarah masih lagi mengikut sejarah Tanah Melayu dari persepsi barat. Sukatan pelajaran Sejarah hanya berpandukan kepada senarai tajuk-tajuk sebagaimana yang terdapat dalam buku-buku teks. Objektif pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk lulus peperiksaan sahaja. Aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kritis dan kreatif tidak ditekankan. Pembelajaran sejarah tidak dapat memberi gambaran menyeluruh tentang sejarah negara dan tidak banyak menyumbang kepada pemupukan semangat integerasi nasional.

1. Khoo Hock Cheng (1968). Content of history syllabus in secondary school. *Peninjau Sejarah*. Vol. III, No.1, April, 1968. hlm. 30-37.
2. Khoo Kay Kim (1992). Perkembangan pendidikan sejarah. *Sejarah dalam Pendidikan*. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 19.
3. _____ (1964). Problems relating to school certificte examinations in history - a teacher's view. Dalam Zainal Abidin A. Wahid (ed.), *History Teaching: Its Problems in Malaya*. Kuala Lumpur: History Teachers' Assoc. of Malaya.

hlm.67.

4. Tan Boon Lin (1964). Problems of history teaching in secondary schools. Dalam Zainal Abidin A. Wahid (ed.), *History Teaching: Its Problems in Malaya*. Kuala Lumpur: History Teachers' Assoc. of Malaya. hlm. 112.
5. Anandarajan, K. (1964). Problems relating to higher school certificate examinations in history - a teacher's view. Dalam Zainal Abidin A. Wahid (ed.), *History Teaching: Its Problems in Malaya*. Kuala Lumpur: History Teachers' Assoc. of Malaya. hlm. 132.
6. Hussey, W. D. (1964). Problems relating to school certificate examinations in history. Dalam Zainal Abidin A. Wahid (ed.), *History Teaching: Its Problems in Malaya*. Kuala Lumpur: History Teachers' Assoc. of Malaya. hlm. 146.
7. Salma Husna Sulaiman (2002). Pendidikan awal di Sek. Melayu Lenggong pada tahun 1938, Sek. Inggeris di Sg. Sumun dalam darjah 4-6. Mengikuti Special Malay School pada tahun 1966. Belajar di tingkatan 1-3 di Sek. Men. Methodist, Tg. Malim, sehingga tahun 1969. Menjadi Guru Penolong Kanan di Sek. Men. Keb. Khir Johari, Tg. Malim, Perak.
8. Zauyah Daud (2002). Menerima pendidikan awal di Sek. Keb. Slim Village pada tahun 1959 hingga tahun 1964. Mengambil peperiksaan LCE pada tahun 1967, MCE pada tahun 1969 dan HSC pada tahun 1971 di Kolej Islam Malaya. Kini memegang jawatan sebagai Pengetua Sek. Men. Khir Johari, Tg. Malim, Perak.
9. Jaqdish Raj Sharma (1985). *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Distr. Sdn. Bhd. hlm. 11.
10. Ibid. hlm. 28.
11. Omar Mohd. Hashim (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Diperkenalkan oleh Mohd. Tajuddin b. Hj. Abdul Rahman. Kuala Lumpur: DBP, KPM. hlm. xii.